

# Jalin kerjasama dengan UPM, IPS lahir pengurus kebun berkebolehan

**Putrajaya:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Pertanian Serdang (IPS) bagi melahirkan pengurus ladang yang berkebolehan dalam kalangan pekebun kecil.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya melihat perkara itu perlu dilaksanakan segera dan perjumpaan akan diadakan dalam tempoh terdekat.

Beliau berkata, pihaknya juga diminta dalam mesyuarat Cabinet menumpukan kepada kerjasama pertanian antara kementerian dan UPM bagi memastikan usaha melahirkan pengurus ladang berjaya dilaksanakan.

“Selepas kembali dari lawatan kerja ke China minggu ini, saya akan adakan perjumpaan dengan semua pakar dari UPM dan IPS bagi membincangkan perkara ini, sekali gus mencari model baharu melahirkan pengurus ladang yang mampu memasarkan produk ke peringkat antarabangsa.

“Buat masa ini, kita sudah ada model pengurus estet, namun tugas mereka berbeza, jadi kita perlu ada model baharu bagi pengurus ladang yang akan dibincangkan bersama UPM dan IPS,” katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau melancarkan pentas jualan dan pemasaran milik Alibaba Group, Juhuasuan, bagi pasaran China di Wisma Tani di sini. Yang turut hadir, Pengurus Besar Pemasaran Juhuasuan, Alan Ao.

Mengulas program pelancaran Juhuasuan, Salahuddin berkata, kerjasama itu penting kepada Malaysia untuk memperkuuh dan memperkasakan produk tempatan di pasaran China.

Beliau berkata, pertemuan kali ini diharap lebih bermakna kepada produk tempatan berkaitan pertanian bagi memastikan ia mempunyai peluang dipasarkan pada masa akan datang.

+